

# 8 UNDANG-UNDANG YANG TAK MASUK AKAL DALAM MALAYSIA TAPI RAMAI JE BUAT

## 1. MENUNGGANG GAJAH ATAU HAIWAN LAIN DI JALAN AWAM

- Memimpin atau menunggang gajah di jalan awam tanpa kebenaran Ketua Pegawai Polis didapati melakukan kesalahan didenda maksimum RM50.
- Memimpin atau menunggang kuda, lembu, kambing atau khinzir di mana-mana jalan awam dengan cara tidak terkawal yang boleh menyebabkan bahaya atau menghalang trafik yang sedang bergerak.

## 2. MENYANYIKAN LAGU BERUNSUR LUCAH DI TEMPAT AWAM

- Menyanyikan lagu lucah adalah sama seperti melakukan aksi lucah di depan khayalak umum. Jika dilaporkan dan didapati bersalah, anda boleh dipenjara selama 3 bulan atau denda, atau kedua-duanya sekali.i

## 3. BERMAIN DRAM DI LUAR PADA WAKTU MALAM

- Dari jam 12 malam hingga jam 6 pagi, sesiapa yang memukul dram atau tom-tom, meniup hon atau trompet di mana-mana jalan awam, tempat awam, bandar maupun kampung yang menyebabkan gangguan kepada penghuni premis di kawasan itu denda maksimum RM100 akan dikenakan jika anda didapati bersalah.

## 4. MENGIKLANKAN KHIDMAT RAWATAN PENYAKIT SIFILIS

Sebarang iklan untuk merawat penyakit kelamin dan apa-apa iklan bersifat menaikkan syahwat adalah salah. Jadi bagi sesiapa yang didapati menampal apa-apa kertas bercetak, bertulis atau bergambar di mana-mana premis awam atau persendirian didapati bersalah melakukannya, dia boleh dipenjarakan selama tidak lebih tiga bulan atau denda tidak melebihi RM100.

## 5. MELONTAR CINCIN KE DALAM SUNGAI

- Contoh yang dinyatakan ini hanyalah dikuatkuasakan sekiranya cincin itu milik orang lain dan dilakukan dengan niat menyebabkan kerugian.

Sekiranya anda bercadang untuk bergurau dengan membaling cincin rakan anda ke dalam sungai, maka anda boleh menghadapi masalah sekiranya rakan anda membuat laporan mengenainya.

## 6. MENINGGALKAN ATAU MELETAKKAN MAYAT DI KAWASAN AWAM

- Sesiapa yang meninggalkan atau meletakkan orang yang hampir mati atau mayat di kawasan awam atau persendirian tanpa pengetahuan pemilik premis, boleh disabitkan dengan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 20 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

dan boleh dihukum penjara sehingga 6 bulan atau denda RM250, atau kedua-duanya sekali.

## 7. MABUK DI KAWASAN AWAM

- Di Malaysia, anda boleh didapati bersalah sekiranya berkelakuan mabuk atau tidak dapat mengawal diri sendiri di kawasan awam. Jika disabitkan bersalah anda boleh didenda RM100 atau dipenjarakan di bawah Seksyen 21 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

## 8. MENAMAKAN ANAK ANDA SEMPENA NAMA BUAH

- Pada tahun 2006, Jabatan Pendaftaran Negara telah menyekat bayi tidak lagi dibolehkan diberi nama sempena nama buah, sayur, warna, serangga, haiwan, hantu, nombor ataupun jenama kenderaan.